

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
ISNIN, 4 OGOS 2025**

PJL01/02/2025

1

No. Soalan: PL167

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Akta Pendidikan Wajib dan tindakan yang diambil sekiranya ada ibubapa atau penjaga yang telah diambil tindakan kerana tidak menghantar anak-anak mereka bersekolah?

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk koala menjawab pertanyaan lisan **PL167** yang diajukan oleh **Awang Haji Daud bin Jihan** mengenai sejauh manakah keberkesanan Akta Pendidikan Wajib dan tindakan yang diambil sekiranya ada ibubapa atau penjaga yang telah diambil tindakan kerana tidak menghantar anak-anak mereka bersekolah.

Alhamdulillah, data kehadiran pelajar bagi tahun 2023 dan 2024 telah menunjukkan **tren yang positif** dengan purata kehadiran **melebihi 85%**. Pada **tahun 2023, kadar purata kehadiran adalah sebanyak 86%**, dan telah **meningkat kepada 88% pada tahun 2024**.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan secara berterusan akan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan para pelajar terus hadir ke sekolah. Antara usaha yang dilaksanakan termasuklah sesi pemberitaan dan jerayawara mengenai Akta Pendidikan Wajib, pemantauan kehadiran melalui Sistem Pengurusan Kehadiran Pelajar (Student Attendance Management System – SAMS), program bimbingan dan kaunseling.

Bagi pelajar-pelajar yang mempunyai cabaran kehadiran, Kementerian Pendidikan menyediakan sistem sokongan melalui penempatan pelajar dalam program Ri'ayah Wa Mahabbah. Program ini melibatkan seramai 66 pelajar dari sekolah rendah dan menengah. Daripada jumlah ini, 44 adalah pelajar lelaki dan 22 adalah pelajar perempuan. Program ini disokong oleh 8 orang pegawai asrama, di mana 4 bertugas sepenuh masa dan 4 lagi secara syif. Aktiviti yang dijalankan dalam program ini meliputi kehidupan harian di asrama, keugamaan, motivasi, riadah, akademik, dan sebagainya.

Dikesempatan ini, kaola/saya sukacita memohon kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, khususnya para ibu bapa dan penjaga, untuk terus memantau kehadiran anak-anak mereka kerana dengan kehadiran secara konsisten ke sekolah merupakan asas kepada kejayaan mereka.

No. Soalan: PL227

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang Kementerian Pendidikan untuk menangani sekolah yang mengalami penurunan jumlah murid? Adakah Kementerian mempertimbangkan penyatuan sekolah, pengoptimuman sumber, atau penempatan semula murid secara terancang, bagi memastikan mutu pendidikan terpelihara dan tiada yang tercicir?

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan **PL227** yang diajukan oleh **Awang Lawi bin Haji Lamat** mengenai perancangan Kementerian Pendidikan untuk menangani sekolah yang mengalami penurunan jumlah murid.

Bagi sekolah yang mempunyai tren penurunan pelajar, Kementerian Pendidikan akan terlebih dahulu membuat penilaian dari segi impak pembelajaran pelajar dan keberkesanan kos. Jumlah pelajar yang ramai dapat merangsang perkembangan kognitif dan kemahiran pelajar. Justeru, Kementerian Pendidikan akan sentiasa memantau keramaian pelajar di sekolah-sekolah khususnya di dalam bilik darjah.

Sejak tahun 2007, beberapa sekolah rendah bersaiz kecil telah dapat dicantumkan/disatukan. Antaranya:

- Pencantuman SR Rampayoh dan SR Labi pada tahun 2007;
- Pencantuman SR Kenua dan SR Rataie pada tahun 2014;
- Pencantuman SR Piasau-Piasau dan SR Labu Estet Temburong pada tahun 2015;
- Pencantuman SR Sungai Kebun, SR Datu Ahmad dan SR PAP Besar Sg Kebun pada tahun 2017;

-
- Pencantuman SR OKPB Bukit Sawat dan SR Merangking pada tahun 2021;
 - SR Pehin Dato Jamil juga telah berpindah ke SR PAP Besar Sg Kebun disebabkan oleh isu infrastruktur; dan
 - Pada tahun ini, penutupan sementara SR Melilas dan SR Dato Maharaja Setia Dian Sukang.

Pelaksanaan inisiatif ini akan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemahiran sosial dan perkembangan holistik pelajar melalui persekitaran sekolah yang lebih kondusif dengan jumlah pelajar yang lebih ramai. Di samping itu, inisiatif ini juga dapat mengoptimumkan penggunaan sumber, termasuk sumber tenaga manusia (guru dan kakitangan), serta menyokong program pengukuhan fiskal negara.

Insha Allah, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan kajian secara berterusan bagi memastikan Penstrukturan Sekolah-Sekolah Rendah Bersaiz Kecil dapat diteruskan dengan melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

No. Soalan: PL166**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN****TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah program yang dikendalikan Jabatan Pembangunan Masyarakat untuk membantu penerima-penerima bantuan kebajikan yang berpotensi untuk bekerja di sektor Kerajaan dan swasta masih berjalan dan sejauh manakah keberkesanannya?

JAWAPAN:

1. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Daud bin Jihan di atas pertanyaan mengenai keberkesanan program pengupayaan penerima-penerima bantuan kebajikan.
2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) terus melaksanakan pelbagai usaha ke arah memperkasakan penerima bantuan kebajikan, khususnya bagi mereka untuk berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara, sama ada melalui penempatan pekerjaan di sektor Kerajaan mahupun swasta. Usaha ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan berterusan terhadap bantuan serta membina daya tahan ekonomi dalam kalangan rakyat dan penduduk.
3. Dalam usaha mencari peluang pekerjaan di sektor swasta pula, JAPEM bekerjasama dengan Pusat Pekerjaan Brunei. Melalui kerjasama ini, klien akan dipadankan dengan peluang pekerjaan yang bersesuaian berdasarkan kelayakan masing-masing. Selain itu, JAPEM turut mengambil inisiatif untuk menjalin kerjasama secara langsung dengan beberapa syarikat swasta tempatan (seperti Syarikat Takaza, Hua Ho, Rentokil, SKH dan Simpor Pharma) bagi menyediakan peluang pekerjaan secara terus kepada klien-klien bantuan. Pendekatan ini melibatkan rundingan bersama pihak majikan serta proses pepadanan calon dengan jawatan yang ditawarkan, khususnya dalam bidang pekerjaan selaras dengan kelayakan akademik atau tahap kemahiran yang ada dan potensi untuk mengikuti Latihan kemahiran yang bersesuaian secara 'on-the-job training'. Usaha-usaha ini telah menunjukkan hasil yang positif, di mana klien yang berjaya memperoleh pekerjaan iaitu seramai 257 orang dari tahun 2022 hingga 2025.

4. Selain itu, sebagai usaha ke arah mengeluarkan keluarga-keluarga penerima bantuan dari kebergantungan kepada bantuan, salah satu usaha Kementerian juga adalah untuk memfokuskan kepada anak-anak atau tanggungan mereka untuk diberi Pendidikan dan Latihan kemahiran dan dibantu untuk mendapatkan pekerjaan. Sebagai contoh, Program Inovasi Belia Berwawasan (PIBB) disasarkan bagi belia dari keluarga penerima bantuan, berusia 16 hingga 21 tahun, yang tidak bersekolah dan tidak bekerja yang mana program ini berlangsung selama 9 bulan iaitu 3 bulan di PKBN, 3 bulan di Politeknik dan 3 bulan di penempatan kerja. Dari 77 peserta, 47 telah berjaya mendapatkan pekerjaan, sementara yang lain telah melanjutkan pelajaran atau memulakan perniagaan. Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) juga telah melaksanakan beberapa inisiatif penempatan kerja secara langsung di jabatan ini. Antara inisiatif tersebut termasuklah penempatan klien penerima bantuan dan tanggungan mereka sebagai petugas talian hotline JAPEM secara bergaji hari. Sehingga kini, seramai tiga (3) orang klien telah dilantik di bawah inisiatif ini. Peluang ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada alam pekerjaan, bahkan turut membantu meningkatkan kemahiran asas serta keyakinan diri dalam kalangan penerima bantuan.

5. Selain daripada itu pihak JAPEM juga telah mengambil seramai sebelas (11) orang klien sebagai Pekerja Kontrak Sosial bagi tempoh tiga (3) tahun. Melalui Program TADRIBAT dan Program Mentee yang terdiri daripada anak-anak penerima bantuan, klien-klien ini ditugaskan untuk membantu dalam pengurusan kes-kes permohonan SKN, khususnya yang melibatkan siasatan dan tindakan susulan permohonan bantuan. Dengan penempatan kerja ini, pihak kementerian berharap agar mereka mendapat pengalaman kerja yang bermakna dan sekaligus memperkukuhkan kebolehan mereka untuk bekerja di sektor dan tempat lain. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk membolehkan penerima bantuan beralih secara berperingkat daripada kebergantungan terhadap bantuan kebajikan kepada kehidupan yang lebih berdikari dan produktif. Pada masa yang sama, ia turut membantu menampung keperluan tenaga kerja sokongan di JAPEM dan sekaligus akan dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

6. Sekian sahaja yang dapat diulaskan, terima kasih.

No. Soalan: PL201

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian berkenaan persediaan bagi skim tapak pertanian dalam keadaan yang tersedia untuk diusahakan lengkap dengan infrastruktur asas (*plug and play*) dan juga menyediakan skim pembiayaan berperingkat untuk menyokong keperluan pengusaha-pengusaha baharu warga tempatan? Sesi dialog dengan usahawan muda, cabaran utama sektor pertanian adalah kekurangan infrastruktur asas dan kesukaran mendapatkan pembiayaan awal.

JAWAPAN:

1. Secara amnya, Kementerian ini menyediakan infrastruktur asas seperti penyediaan akses jalan utama, bekalan air domestik utama dan bekalan elektrik utama kepada pengusaha-pengusaha yang ditawarkan tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP). Penyediaan infrastruktur asas ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikuti *priority* yang ada.
2. Berkenaan dengan kemudahan asas dan 'start-up capital' bagi pengusaha-pengusaha pertanian baru tempatan, dan dalam menyahut cabaran utama usahawan muda berkenaan kesukaran mendapatkan pembiayaan awal dan kekurangan kemudahan asas, Kementerian ini dalam proses perbincangan dengan institusi-institusi kewangan untuk mengadakan 'start-up capital' sebagai pinjaman bagi penyediaan tapak-tapak tanaman seperti kerja-kerja pembersihan kawasan, pembelian alat-alat tanaman dan pembiayaan rumah hijau bersistem teknologi tinggi dan juga modal memulakan perusahaan.
3. Disamping itu juga, kemudahan infrastruktur asas seperti penyediaan akses jalan utama, bekalan air domestik utama dan bekalan elektrik utama juga akan disediakan secukupnya.

No. Soalan: PL248 & PL286

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH
BIN HAJI OTHMAN**

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan selain dari penyediaan tapak, memudahcara dalam penyambungan elektrik dan air ke tapak berkenaan dan projek perintis yang dibuat sebelum ini, apakah langkah-langkah lain yang ada dalam perancangan Kementerian bagi melahirkan belia dalam industri pertanian dan agri-makanan yang mampan?

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian berkenaan program peladang muda yang diperkenalkan suatu ketika dahulu? Adakah ada pengajian semula untuk memberikan nafas baharu dengan pendekatan moden seperti agro-teknologi dan keusahawanan tani digital untuk menarik minat belia, mengurangkan pengangguran dan menjana ekonomi luar bandar secara mampan?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, izinkan kaola menjawab soalan dari Yang Berhormat Pengiran Haji Isa Bin Pengiran Haji Aliuddin (PL248) bersama dengan soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh Bin Haji Othman (PL286) mengenai dengan usaha untuk menggalakkan golongan muda/belia berkecimpung dalam pertanian.

Pada masa ini, Kementerian belum ada perancangan bagi memperkenalkan lagi program peladang muda seperti yang sebelum ini. Bagi menarik minat para belia di dalam perusahaan pertanian, pihak Kementerian mengungkayahkan beberapa program yang memfokuskan kepada penglibatan belia dalam pertanian dan penternakan. Di antara program-program yang dilaksanakan adalah:

- Pelaksanaan Program Pendedahan Belia Berpotensi untuk menceburi pertanian berteknologi, juga adalah salah satu usaha Kementerian yang bertujuan memperkenalkan pertanian sebagai perniagaan menguntungkan

serta melahirkan belia usahawan pertanian yang progresif dan produktif demi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam sektor pertanian.

- Projek Rintis iaitu projek dalam bentuk percubaan dan berskala kecil. Tujuan projek ini diperkenalkan adalah untuk memberikan peluang kepada para peladang dan belia yang berminat untuk menerokai potensi dalam bidang pertanian. Projek ini memberikan penekanan kepada penggunaan sistem perladangan moden; penggunaan varieti atau baka yang berhasil tinggi; hasil yang bernilai tinggi; dan disasarkan bagi pasaran eksport.
- Seperti yang kaola telah nyatakan sebelum ini, Kementerian juga dalam proses perbincangan dengan institusi-institusi kewangan untuk mengadakan “start-up capital” sebagai pinjaman bagi penyediaan tapak-tapak tanaman seperti pembersihan dan pembukaan kawasan dan pembangunan rumah hijau bersistem teknologi tinggi, dengan para belia terus memulakan operasi untuk menjana pendapatan.
- Satu cadangan baru, iaitu Program ADAPT, yang bakal di ungkayahkan oleh Persatuan Peladang Pertanian Brunei dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang dirangka bagi meningkatkan lagi minat dan penglibatan belia dalam industri pertanian dan perikanan. Disamping itu, ahli-ahli persatuan peladang dan jua para peladang yang berjaya pada masa kini juga akan diharapkan menjadi mentor kepada para-pada belia dalam memulakan perusahaan ladang mereka. Adalah diharapkan penglibatan para peladang yang sedia ada dan berjaya sebagai mentor dalam program ini, akan dapat menyuntik semangat dan minat belia-belia kitani untuk berkecimpung dalam industri pertanian dan perikanan.

No. Soalan: PL176

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memulihara semula kawasan-kawasan tumpuan awam lama seperti taman permainan, tempat riadah dan bangunan pasar awam, agar kekal relevan dengan gaya hidup masa kini serta mesra keluarga?

JAWAPAN:

- Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Lau How Teck atas soalan yang telah dikemukakan.
- Menjawab persoalan Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) melaksanakan penyelenggaraan berterusan dalam memastikan taman-taman rekreasi kekal terpelihara, selamat dan mesra pengguna untuk tujuan riadah dan istirehat keluarga selaras dengan keperluan gaya hidup sihat.
- Penyelenggaraan kemudahan ini secara berterusan dilaksanakan di kesemua 18 taman rekreasi yang berada dibawah seliaan dan tanggungjawab pentadbiran JASTRe. Penyelenggaraan ini dilaksanakan melalui kontrak-kontrak penyelenggaraan secara berjadual bagi 18 taman rekreasi seperti berikut:
 - **Lapan (8) Taman di Daerah Brunei – Muara**, iaitu:
 1. Taman Rekreasi Pantai Muara berkeluasan 42 hektar;
 2. Taman Rekreasi Tanjong Batu berkeluasan 5.5 hektar;
 3. Taman Mahkota Jubli Emas berkeluasan 9.7 hektar;
 4. Taman Riadah berkeluasan 29 hektar;
 5. Taman Rekreasi Pantai Serasa seluas 23.7 hektar;
 6. Taman Rekreasi Persiaran Damuan seluas 5.5 hektar;
 7. Taman Rekreasi Mini Perayaan Kampung Parit seluas 35.3 hektar; dan
 8. Taman Rekreasi Menteri Besar seluas 21 hektar
 - **Tiga (3) Taman di Daerah Tutong**, iaitu:
 1. Taman Rekreasi Pantai Pengkalan Pinang seluas 3 hektar;

- Taman Rekreasi Pantai Seri Kenangan dengan keluasan 4.2 hektar; dan
- Taman Rekreasi Sungai Basong seluas 60.8 hektar.

2. Empat (4) Taman di Daerah Belait, iaitu

- Taman Rekreasi Jubli Anduk seluas 62.5 hektar;
- Taman Rekreasi Pantai Lumut seluas 3.6 hektar;
- Taman Rekreasi Sungai Mau seluas 4.2 hektar; dan
- Taman Rekreasi Wasai Kadir seluas 17.1 hektar

3. Tiga (3) Taman di Daerah Temburong iaitu:

- Taman Rekreasi Batang Duri seluas 27.9 hektar;
 - Taman Rekreasi Muhibbah seluas 0.9 hektar; dan
 - Taman Persiaran Temburong seluas 0.7 hektar
-
- Insya Allah Kementerian Pembangunan kekal komited untuk memperkasa fungsi taman-taman ini sebagai ruang riadah yang inklusif , kondusif dan berdaya tahan melalui penyelenggaraan berjadual yang menyeluruh serta inisiatif penambahbaikkkan berterusan.
 - Usaha ini bertujuan bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup penduduk dinegara ini, tetapi juga memastikan kelestarian alam terpelihara bagi generasi kini dan akan datang.
 - Manakala, pasar awam bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian ini.
 - Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Lau How Teck tersebut.

No. Soalan: PL170

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk membangunkan *platform* bagi pemasaran dan penjualan produk-produk belia, termasuk bimbingan pemasaran dan akses kepada pasaran luar negara?

JAWAPAN:

1. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Lau How Teck atas soalan mengenai apakah inisiatif kementerian ini untuk membangunkan platform bagi pemasaran dan penjualan produk-produk belia, termasuk bimbingan pemasaran dan akses kepada pasaran luar negara.

2. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengiktiraf keusahawanan sebagai teras strategik dalam melahirkan belia yang berdikari dan berdaya saing, serta sebagai pemacu kemajuan sosio-ekonomi negara dan kepentingan keusahawanan turut didukung dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 iaitu melalui Strategi Teras Pendidikan, Kebolehambilan Kerja dan Pekerjaan Wajar yang menginginkan pembinaan persekitaran yang lebih kondusif kepada usahawan belia.

3. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah mengambil langkah proaktif dalam menyediakan pelbagai platform yang kondusif termasuk ruangan fizikal dan program-program keusahawanan yang boleh digunakan bagi memasarkan dan menjual produk-produk belia tempatan, seperti:

- a. Program Youth Development Centre (YDC) Carnival;
- b. Program Youth Development Centre (YDC) Pop Up Market;
- c. Program Youth Development Centre (YDC) Street Sahur;
- d. Program In:Stall @Youth Hub;
- e. Jualan Kuih Muih Aidil Fitri; dan
- f. Inkubator Keusahawanan Belia.

4. Lebih kurang 350 usahawan muda telah mengambil bahagian secara aktif dalam platform-platform keusahawanan yang disediakan, sebagai usaha memperkukuh keterlibatan belia dalam sektor ekonomi dan memperluas peluang pemasaran produk tempatan.

5. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah bekerjasama dengan rakan-rakan strategik seperti Darussalam Enterprise (DARe) dan Shell LiveWIRE Brunei yang bertujuan dalam memberikan pendedahan kepada belia dalam membangunkan idea perniagaan, memperkukuh kemahiran pemasaran dan memperluas jaringan perniagaan seperti:

- a. Program Youth Business Pitch; dan
- b. Program YDC Light's On;

6. Kementerian ini sentiasa komited dalam memperkasa golongan belia, khususnya dalam bidang keusahawanan. Namun, adalah diakui fokus KKBS adalah lebih kepada menyediakan latihan dan platform bagi para belia untuk memulakan perniagaan (*start-up*) seperti program inkubator yang saya kongsikan tadi. Dalam hal ini, terdapat beberapa agensi kerajaan yang menangani perkara ini yang mana antaranya ialah Kementerian Kewangan dan Ekonomi sebagai sebuah agensi yang memainkan peranan penting dalam membuka akses pasaran luar negara bagi seluruh usahawan tempatan untuk memberikan penerangan tambahan mengenainya kemudian.

7. Sekian sahaja yang dapat diulaskan, terima kasih.

No. Soalan: PL252

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN
HAJI HAMDAN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peranan pihak Kementerian di dalam menerapkan para pelajar untuk membudayakan seni warisan dan budaya ini agar terus dipelajari di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi tinggi? Ini bagi memastikan usaha dalam memperkasakan seni warisan dan budaya Brunei agar tidak pupus ditelan zaman.

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan **PL252** yang diajukan oleh **Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** mengenai peranan pihak Kementerian di dalam menerapkan seni warisan dan budaya di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi tinggi.

Kaola / saya sukacita mengongsikan antara inisiatif dalam menerapkan seni warisan dan budaya Brunei di sekolah-sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi adalah seperti berikut:

- Pendedahan secara ilmiah melalui mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) dan social studies;
- Pendedahan secara praktikal melalui aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti Dendang Tari Melayu, Gulintangan, Deklamasi Sajak Islam dan Hadrah;
- Penyertaan pelajar dalam acara rasmi negara seperti Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, dan penyertaan antarabangsa seperti persembahan Tarian Brunei Asli di Singapore Youth Festival 2025 dan

pertandingan lukisan The 26th International High School Arts Festival di Jepun;

- Penerapan komponen “Kreativiti” dalam Program Sahsiah Pelajar yang membolehkan pelajar meneroka bidang kesenian dan kebudayaan;
- Pelaksanaan program seperti Global Discovery Programme (GDP) di Universiti Brunei Darussalam yang menggabungkan pembelajaran akademik dengan pengalaman budaya;
- Penganjuran program kuiz, pameran, amali dan pertandingan seperti Pertandingan Sketsa Kata-kata Pantang Larang Orang Tua-Tua bagi Sekolah-Sekolah Rendah Senegara oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

No. Soalan: PL228**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT****TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang Kementerian Pembangunan dalam menyediakan jalan penghubung darat yang efisien di Kampung Menunggol? Ini penting bagi meningkatkan taraf hidup, mobiliti, dan peluang ekonomi penduduk, serta menggalakkan pembangunan luar bandar selaras Wawasan Brunei 2035.

JAWAPAN:

- Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat atas persoalan mengenai penyediaan jalan penghubung darat di Kampung Menunggol.
- Secara umumnya, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya melaksanakan penelitian terhadap keperluan infrastruktur di kawasan luar bandar bagi menyokong peningkatan taraf hidup serta pembangunan sosio-ekonomi komuniti setempat.
- Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan jangka Panjang yang dirangka bagi menghubungkan Kampung Menunggol adalah bagi pembinaan jambatan dan jalan baharu yang dapat menghubungkan Pulau Berambang melalui Jalan Kasat. Cadangan pembinaan jalan dan jambatan ini akan dipohonkan di dalam Rancangan Kemajuan Negara akan datang.
- Perlu ditekankan ini adalah satu perancangan strategi. Perancangan ini untuk dibuat cadangan kepada peruntukan Rancangan Kemajuan Negara di tahun-tahun mendatang.
- Maka tertakluk juga kepada keutamaan-keutamaan yang akan dinilai mengenai cadangan ini nanti.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja yang Kaola dapat sampaikan bagi menjawab soalan PL228 daripada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat. Sekian Terima kasih.

No. Soalan: PL209 & PL280

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMINYANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mempercepatkan pembayaran projek kerajaan yang telah siap kepada pengusaha-pengusaha muda tempatan dan peniaga-peniaga Melayu? Ini bagi menjamin kesinambungan, kemajuan dan perkembangan peniaga kecil dan sederhana ini memandangkan isu tersebut telah dibangkitkan dalam sesi muzakarah bersama mereka.

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan *Service Level Agreement* (contoh: pembayaran dalam 30 hari), mekanisme pemantauan *digital real time*, serta pertimbangan bayaran faedah kelewatan atau pampasan untuk kontraktor yang tertangguh, memandangkan masih terdapat isu kelewatan pembayaran kepada syarikat tempatan melalui TAFIS 2.0 yang membebankan aliran tunai dan kelangsungan perniagaan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Pertama, mengenai dengan **Soalan PL209**, tentang langkah Kementerian untuk mempercepatkan pembayaran projek kerajaan yang telah siap kepada pengusaha-pengusaha muda tempatan dan peniaga-peniaga melayu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi tidak membezakan proses-proses pembayaran perniagaan samaada ianya terdiri daripada pengusaha-pengusaha muda tempatan dan peniaga-peniaga melayu.

Berkenaan isu pembayaran lambat disebabkan oleh TAFIS 2.0, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan telah mengambil langkah proaktif dan berkesan sejak bulan April 2024 seperti memperkenalkan **system**

Government Vendor Portal yang memudahkan penghantaran invois dan pemantauan status pembayaran secara *online*; dan **menubuhkan *Payment Clinics, User Clinics dan Vendor Clinics (GVP Clinic)*** yang menyediakan sokongan serta latihan secara langsung kepada *vendor* dan pegawai Kerajaan, sekaligus meningkatkan penerimaan dan mempercepatkan penyelesaian masalah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, izinkan kaola terus mengongsikan status terkini TAFIS 2.0. Setakat 31hb. Julai, 2025, jumlah keseluruhan tuntutan/inbois yang telah dibayar sejak sistem TAFIS 2.0 diperkenalkan adalah sebanyak 1,478,813 inbois, di mana setakat Julai 2025 (Tahun Kewangan 2025/2026) hanya terdapat 1,363 pembayaran yang mengalami masalah dan masih dalam status *query* di peringkat Jabatan.

Isu ini antarlainnya adalah disebabkan oleh kefahaman pihak pengguna sistem TAFIS 2.0, sama ada pengguna di Jabatan-Jabatan Kerajaan atau pihak pembekal dan orang ramai.

Sekarang, sepertimana yang dapat dilihat, terdapat penurunan bilangan *vendor* yang mengunjungi ***Vendor Clinic (GVP Clinic)*** iaitu sebanyak 232 orang pada bulan Julai 2025 berbanding secara purata 457 orang pada bulan-bulan sebelumnya. Bagi ***Vendor Clinic (GVP Clinic)*** ini, kebanyakan *vendor* hadir ke klinik untuk membuat pertanyaan mengenai status pembayaran invois mereka, mendapatkan bantuan bagi memuat naik atau mengemukakan invois, serta bantuan untuk menyediakan *Service Entry Sheet* dan *Advance Shipping Notice*. Manakala, bagi ***Payment Clinic (dulunya dikenali sebagai ICU Payment Clinic)***, mengambilkira jumlah *vendor* yang datang untuk bertanya mengenai kedudukan tunggakan pembayaran mereka telah berkurangan sejak Ogos 2024, maka *Clinic* tersebut telahpun dipindah ke Kaunter Unit Pembayaran untuk sebarang pertanyaan dari syarikat. Dalam pada itu, jumlah Pengguna dari Kementerian dan Jabatan yang datang untuk mendapatkan bantuan dan tunjuk ajar dari ***User Clinic*** yang disediakan juga telah menurun di mana bagi bulan Jun 2025, hanya seramai 14 Pengguna sahaja yang mengunjungi *Clinic* tersebut untuk mendapatkan tunjuk ajar dalam menangani masalah yang mereka hadapi.

Selain itu, Jabatan Perbendaharaan juga telah **membangunkan Laporan TPOR untuk setiap Kementerian** dalam sistem TAFIS 2.0 dan melaksanakan pemantauan secara berterusan.

Mana-mana pengusaha-pengusaha bukan sahaja pengusaha muda tempatan atau peniaga-peniaga melayu yang memerlukan sebarang bantuan atau pertanyaan boleh menghubungi terus ke pihak Jabatan Perbendaharaan atau hadir ke klinik-klinik yang disediakan.

Kedua mengenai dengan **PL280**, berkenaan mekanisme seperti caj faedah sederhana atau pampasan bagi menangani situasi di mana pembayaran kerajaan kepada pembekal ditangguhkan. Perkara ini telah dibangkitkan semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-21, tahun 2025 dan kaola sudah memberikan jawapan pada 10 haribulan Mac 2025 yang lalu. Walaubagaimanapun, izinkan kaola untuk menambah sedikit lagi penjelasan mengenai perkara ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, proses pembayaran akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat jika tuntutan-tuntutan berkenaan sudah mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah disediakan. Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan sedang dan akan sentiasa berusaha untuk memastikan proses pembayaran yang sedia ada dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan efisien, berdasarkan peraturan-peraturan kewangan.

Manakala berkaitan dengan mekanisme pampasan, ianya merupakan mekanisme yang lazimnya ada diselitkan di dalam kontrak atau invois tuntutan pembekal. Walaubagaimanapun, klausa pampasan ini perlu dipersetujui oleh kedua belah pihak samada pada masa kontrak tersebut ditandatangani atau penerimaan tawaran.

Disamping itu, Kaola ingin mengongsikan bahawa pihak Kementerian ini juga mendapati, sebahagiannya bukan disebabkan oleh sistem TAFIS 2.0 itu sendiri, tetapi disebabkan kurangnya pengalaman dan pengetahuan dalam menggunakan sistem TAFIS 2.0. Maka, melalui klinik-klinik yang telah disediakan, kebanyakan isu ini telah berjaya diselesaikan sejak beberapa bulan yang lalu. Oleh itu, Kementerian ini menyeru agar mereka yang masih menghadapi isu ataupun masalah dalam penggunaan sistem berkenaan, untuk turut turun hadir ke klinik-klinik yang disediakan, supaya Kementerian ini akan dapat membantu mempercepatkan proses pembayaran selanjutnya.

Insyallah pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa komited untuk memperbaiki dan mempercepatkan proses pembayaran kepada pihak-pihak yang berkaitan. Sehubungan itu, kerjasama yang berterusan daripada semua pihak yang berkepentingan adalah amat diperlukan bagi melancarkan lagi proses-proses kelulusan dan pembayaran.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL156

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah boleh persatuan, khususnya persatuan 4x4, untuk mendaftarkan kenderaan berat bekas Kementerian Pertahanan yang telah berjaya dibeli melalui jualan lelong? Ini mengambil kira kesesuaian kenderaan ini bagi membantu penghantaran barang-barang sewaktu banjir.

JAWAPAN:

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,
Salam sejahtera dan Selamat Pagi,
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin di atas soalan mengenai pendaftaran kenderaan bekas Kementerian Pertahanan yang telah berjaya dibeli melalui jualan lelong.

Dalam menjawab pertanyaan Yang Berhormat tersebut, terlebih dahulu dikongsikan bahawa di antara kuasa Jabatan Pengangkutan Darat adalah untuk mengeluarkan lesen kenderaan-kenderaan bermotor sepertimana yang termaktub di bawah Peraturan-Peraturan Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggag 68).

Dalam hubungan ini, di antara perkara-perkara yang dinilai dalam mempertimbangkan pengeluaran lesen kenderaan tersebut adalah sama ada kenderaan bermotor tersebut menepati piawaian-piawaian yang digunapakai serta peraturan-peraturan khusus seperti Peraturan-Peraturan Kenderaan Bermotor (Tali Pinggang Keledar, 1988).

Penilaian-penilaian tersebut diperlukan untuk memastikan kenderaan-kenderaan yang dilesenkan mematuhi ciri-ciri keselamatan dan terjamin untuk digunakan di jalan raya awam ('*road worthiness*').

Berhubung dengan kenderaan-kenderaan Kementerian Pertahanan, perlu difahami bahawa tidak semua kenderaan Kementerian Pertahanan, khususnya untuk

kegunaan ketenteraan dan tactical, akan secara automatik menepati keperluan-keperluan kenderaan awam. Pada masa yang sama, kenderaan-kenderaan yang dijual secara lelong pada lazimnya juga adalah kenderaan-kenderaan yang tidak mempunyai lesen kenderaan dan sudah lama tidak digunakan atau rosak.

Namun begitu, diakui bahawa di antara kenderaan-kenderaan Kementerian Pertahanan yang berjaya dibeli melalui lelong dan dibaik pulih tidak dapat lulus pemeriksaan dan tidak dikeluarkan lesen kenderaan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Oleh yang demikian kenderaan-kenderaan tersebut secara lazimnya tidak boleh digunakan di jalan raya awam dan tidak akan dilindungi oleh insurans kenderaan bermotor.

Untuk kegunaan khusus seperti membantu penghantaran barang-barang sewaktu banjir dalam persekitaran terkawal dan terhad memerlukan adanya pihak yang mengambil tanggungjawab serta menjamin penggunaan kenderaan tersebut adalah selamat kepada pengguna dan penumpang.

Sekian dahulu yang kaola ingin kongsi di Dewan Majlis ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

No. Soalan: PL249

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan setakat manakah kemajuan yang dicapai bagi penternakan *blue shrimp*? Adakah pihak kerajaan juga akan membantu penternak tempatan yang dari dulu sudah berusaha dan berkecimpung dalam penternakan ini?

JAWAPAN:

Negara Brunei Darussalam telah mula menternak *blue shrimp* atau udang rostris sejak tahun 2000. Walau bagaimanapun pada akhir tahun 2017, setelah mengalami isu *in-breeding*, industri ternakan udang rostris di Negara ini menghadapi kadar pertumbuhan udang yang lambat dan isu jangkitan penyakit udang yang menjejaskan penghasilan udang ternakan secara drastik. Oleh itu, Kementerian telah menggubal dasar bagi ternakan udang laut dengan membenarkan ternakan udang *vannamei* atau *white shrimp* sebagai spesis tambahan untuk ditenak di negara ini sejak penghujung tahun 2019. Penelitian penggubalan dasar ini dilaksanakan secara komprehensif dengan mengambil kira aspek ekonomi, kesejahteraan dan biosekuriti untuk mengisi jurang bekalan bahan mentah udang ke kilang pemprosesan bagi memenuhi pasaran tempatan dan luar negara.

Salah satu langkah dalam memastikan kelangsungan penghasilan Udang Rostris di Negara ini dimulakan semula adalah melalui usaha bagi menarik pelabur langsung asing untuk memajukan industri udang rostris ini. Sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) iaitu syarikat usahasama dengan pelabur asing sedang menjalankan aktiviti penetasan Udang Rostris dan pembiakan. Benih Udang Rostris ini di datangkan dari Austria dan berkemungkinan akan jua dikawinkan dengan Benih Udang Rostris tempatan dalam masa jangka sederhana dan panjang. Penghasilan dari syarikat berkenaan dijangka meningkat pada tahun ini melalui penambahan tapak baharu seluas 12.5 hektar yang telah mula beroperasi di tapak Serasa Fisheries Centre bagi menternak Udang Rostris menggunakan teknologi akuakultur berasaskan automasi dan penggunaan solar photovoltaic yang lebih mesra alam dan boleh membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Penghasilan benih Udang Rostris oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan berkenaan pada masa ini hanya mencukupi untuk dibekalkan kepada kolam-kolam sedia ada di

tapak-tapak milik syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak syarikat merancang untuk membekalkan benih Udang Rostris kepada penternak udang tempatan sebaik saja pihak syarikat berjaya meningkatkan keluaran benih Udang Rostris berkenaan.

No. Soalan: PL217

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA Khatib DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA Khatib DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kesediaan negara bagi mempertimbangkan penubuhan Mahkamah Muamalat Khas atau memperkenalkan *dual reference system* antara undang-undang sivil dan syariah untuk memantapkan sistem kewangan Islam? Ini kerana kewangan Islam adalah dibawah bidang kuasa *Islamic Banking Order* (2008). Namun, jenis-jenis kontrak syariah seperti *Musharakah*, *Ijarah* dan *Commodity Murabahah* yang diamalkan dalam perbankan Islam, tidak diperincikan.

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

- i. Kaola berterima kasih ke atas soalan **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** yang membawa cadangan bernas dalam penambahbaikan sistem kewangan dan perundangan di Negara Brunei Darussalam.
- ii. Cadangan Yang Berhormat Pehin diambil baik namun cadangan tersebut perlu diselidiki dan diteliti terlebih dahulu kesesuaiannya dengan terperinci dari kesemua aspek mengambilkira ia memerlukan penelitian ke atas perubahan sistem kewangan dan perundangan yang sedia ada yang juga melibatkan perubahan kepada sistem Mahkamah.
- iii. Dalam hal ini, perlu juga diingati bahawa mengambilkira perkara ini melibatkan proses Mahkamah yang diluar daripada bidang kuasa Dewan ini maka cadangan berkenaan adalah diambil maklum.

Sekian saja yang dapat Kaola disampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PL179

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bagaimanakah situasi semasa ekonomi Negara Brunei Darussalam pada masa ini? Apakah langkah Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui *economic diversification* dan pelaburan asing, pada mana kejayaan dalam kedua-dua ini dijangka membawa impak yang besar kepada ekonomi negara.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua,

Menyentuh mengenai dengan keadaan semasa ekonomi Negara Brunei Darussalam, Kaola ingin meringkaskan perkembangan terkini khususnya yang berkaitan dengan tahap pencapaian keluaran dalam negeri kasar atau KDNK, kadar inflasi, pencapaian perdagangan di luar negara, serta dari segi pasaran tenaga negara.

Sepertimana yang Kaola pernah kongsi sebelum ini, semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Tahun 2025, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada tahun 2024 mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak beberapa tahun kebelakangan, dengan kadar pertumbuhan yang dikemaskini kepada 4.1 peratus pada Jun 2025. Pada masa yang sama, kadar pengangguran negara mencatatkan pada tahap terendah sejak tahun 1991. Dari segi sumbangan kepada ekonomi:

- Eksport bukan minyak dan gas telah melebihi 50 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport sejak tahun 2021, dibandingkan dengan 11 peratus pada tahun 2017.
- Sumbangan sektor bukan minyak dan gas kepada KDNK turut melebihi 50 peratus sejak tahun 2022 dibandingkan dengan 31 peratus, pada tahun 2017.

Tren ini mencerminkan perkembangan positif ekonomi negara yang menuju ke arah struktur ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Namun begitu, perkembangan positif ini tidak semestinya berlaku setiap tahun memandangkan sektor minyak dan gas menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara dan juga ekonomi turut terdedah kepada cabaran dan ketidaktentuan luaran.

Persekitaran global pada masa ini yang dipengaruhi oleh peningkatan tarif, gangguan rantai bekalan, kemajuan teknologi dan ketidaktentuan geopolitik, turut memberi kesan kepada strategi atau usaha yang telah dirancang bagi meningkatkan pertumbuhan pelaburan dan ekonomi.

Walaupun, usaha negara untuk memperkukuh pelaburan langsung asing (FDI) akan terus diperkasakan dan dipertingkatkan lagi seperti tahun-tahun yang sebelum ini sebagai strategi untuk memperluas asas ekonomi serta menyokong penjana pekerjaan dan kepelbagaian sektor.

Setakat ini, usaha kemajuan dalam sektor-sektor utama sedang giat aktif dijalankan. Mengikut sukatan The Herfindahl-Hirschman Index (HHI), negara telah beralih daripada ekonomi yang bergantung kepada minyak dan gas kepada tahap kepelbagaian ekonomi yang sederhana. Ini merupakan sebahagian daripada transformasi struktur ekonomi yang sedang giat dilaksanakan. Namun, perubahan ini memang akan mengambil masa dan tidak semestinya menjamin pertumbuhan positif secara konsisten disebabkan oleh cabaran dan ketidaktentuan luaran sepertimana Kaola menyentuh tadi.

Sekian Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL157

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah sumbangan Persatuan Ibu Bapa Guru dapat menyumbang kepada kemajuan pendidikan sekolah? Memandangkan syarat keahlian PIBG iaitu mesti anak bersekolah di sekolah berkenaan, bolehkah ini diubah bagi memudahkan pihak sekolah melantik ahli PIBG khususnya bagi jawatan pengerusi dan setiausaha?

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk koala menjawab pertanyaan lisan **PL157** yang diajukan oleh **Awang Amran bin Haji Maidin** mengenai syarat keahlian Persatuan Ibu Bapa Guru dan sejauh manakah sumbangan Persatuan Ibu Bapa Guru dapat menyumbang kepada kemajuan pendidikan sekolah.

Berhubung pelantikan keahlian, Akta Pendidikan Penggal 210, Peraturan 3(2) memperuntukkan bahawa keahlian Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) terdiri daripada kalangan ibu bapa atau penjaga kepada murid serta guru di sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, peraturan yang berkuatkuasa turut membenarkan pelantikan sehingga dua (2) individu bukan ahli ke dalam jawatankuasa PIBG, tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Ketua Pendaftar sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 5(4) hingga 5(6), selagi pelantikan tersebut selaras dengan matlamat dan tujuan penubuhan PIBG.

Dari segi sumbangan, PIBG memainkan peranan yang sangat penting dalam menyokong kemajuan pendidikan di peringkat sekolah. Antara sumbangan utama PIBG termasuklah berkerjasama dengan pihak sekolah dalam merancang, menganjur dan melaksana program-program akademik, kemasyarakatan,

keagamaan, aktiviti riadah dan sukan. Selain itu, PIBG juga turut melaksanakan program-program kebajikan serta terlibat dalam memberi sumbangan dan bantuan kepada pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan pihak sekolah.

No. Soalan: PL149

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah pendekatan Kementerian dalam memperkukuh keyakinan terhadap pasaran serta perkhidmatan tempatan agar ekonomi domestik kekal berdaya saing dan tidak terus mengalami kebocoran nilai ke luar dengan melihat kepada tren sebahagian rakyat yang cenderung berbelanja dan mendapatkan perkhidmatan di luar negara, termasuk perubatan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Awang Zainol bin Haji Mohamed** atas pertanyaan berhubung tren kecenderungan rakyat berbelanja di luar negara. Dalam menjawab soalan ini, izinkan kaola mengongsikan bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan ekonomi domestik agar kekal berdaya saing.

Antara pendekatan yang telah diambil oleh Kementerian ini ialah melalui pelaksanaan aktiviti jualan promosi seperti *Brunei Salebration*, yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES). Inisiatif ini bertujuan untuk merangsang perbelanjaan pengguna dalam negera serta menggalakkan sokongan terhadap perniagaan tempatan.

Selain itu, para peniaga adalah juga disarankan dan digalakkan untuk meneroka peluang-peluang bagi membantu meningkatkan lagi tahap perbelanjaan di dalam negara, iaitu melalui penyertaan mereka di dalam aktiviti-aktiviti jualan promosi atau kempen-kempen mengikut tema, seperti Hari Belia, *Ocean Week* dan sebagainya, atau dengan mengadakan kempen media yang lebih meluas bagi menarik perhatian orang ramai untuk lebih berbelanja di dalam negeri.

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) juga giat memperkasa keupayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) agar mampu menyediakan produk dan perkhidmatan yang berdaya saing. Ini termasuk dengan memberi sokongan pembangunan produk, pensijilan, pemasaran, dan akses pasaran untuk

meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk-produk jenama tempatan. BEDB turut menggalakkan kerjasama strategik antara perusahaan tempatan untuk meningkatkan skala pengeluaran dan mengurangkan kos pengeluaran melalui *economies of scale*.

Selain itu, BEDB juga melaksanakan inisiatif seperti *Bruneian Made* dan *Proudly Business Awards* untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan pembeli terhadap kualiti produk tempatan. Kerjasama dengan pasar raya tempatan juga dipertingkatkan untuk menambahbaik akses pasaran produk tempatan, sementara pelaksanaan *Standard Consultancy Programme* pula dapat membantu MSME memperoleh pensijilan antarabangsa bagi meningkatkan daya saing global.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta BEDB juga terus komited dalam mewujudkan ekosistem perniagaan yang mesra dan responsive. Antaralainnya ini termasuk seperti melalui penyediaan platform strategik seperti *BEDB Business Helpdesk* dan dengan mengadakan sesi-sesi dialog bersama pihak berkepentingan di sektor awam dan swasta untuk mengenalpasti cabaran perniagaan yang dihadapi serta usaha penambahbaikan dasar pro-business yang diperlukan.

Manakala, berhubung soalan mengenai perkhidmatan perubatan atau kesihatan tempatan, iaitu *Jerudong Park Medical Centre (JPMC)*, yang merupakan penyedia penjagaan kesihatan swasta utama di negara ini, sentiasa komited dalam menawarkan perkhidmatan bertaraf antarabangsa bagi mengurangkan kebergantungan rakyat kepada perkhidmatan rawatan di luar negara. JPMC juga ada menyediakan rawatan menyeluruh dalam pelbagai bidang seperti neurologi, onkologi dan yang terbaru iaitu program pemindahan organ (*transplant*), dengan sokongan fasiliti yang moden dan kepakaran tempatan serta antarabangsa. JPMC juga memperkenalkan perkhidmatan- perkhidmatan seperti telekonsultasi, pakej saringan (*screening*) kesihatan, dan kerjasama insurans untuk meningkatkan akses dan kepercayaan terhadap sistem kesihatan tempatan. Inisiatif ini bukan sahaja diharapkan untuk meningkatkan keyakinan pesakit, tetapi turut akan menyokong pertumbuhan ekonomi domestik dengan mengekalkan perbelanjaan di dalam negara.

Selain daripada perkhidmatan perubatan, terdapat juga beberapa usaha-usaha lain yang telah dijalankan sebagai langkah strategik ke arah inisiatif penggantian import (*import substitution*). Antara usaha yang diambil ialah seperti melalui penghasilan beras tempatan melalui Syarikat Wasan Miling Company Sdn Bhd (WMC), yang mana ada dijual di pasaran tempatan sebagai alternatif kepada beras yang sedia ada di pasaran. Selain itu, PDS Abattoir Sdn Bhd (PDS) juga telah memperkenalkan sebuah produk yang dinamakan 'EnW' yang memfokuskan kepada jualan produk yang telah diproses dan dihargakan secara ekonomi untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL200

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 04.08.2025 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian untuk menjadikan RPN Lugu sebagai *New Satellite Town* yang akan menghubungkan semua fasa pembinaan yang ada dengan kemudahan infrastruktur yang diungkayahkan oleh penduduk tempatan komuniti tersebut untuk membina komuniti aktif, sihat, inklusif dan saling berhubung?

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty mengenai dengan cadangan untuk menjadikan Rancangan Perumahan Negara Lugu sebagai New Satellite Town.
- Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengambil pendekatan bagi merancang dan menyediakan tapak-tapak khusus bagi memastikan kawasan penempatan yang inklusif dilengkapi dengan kemudahan awam dalam kawasan perumahan Negara.
- Sebagai contoh di Perumahan Negara Kampong Rimba, pelbagai Kemudahan Awam telah disediakan termasuk:
 1. Masjid yang terletak di Jalan 2 yang masih lagi dalam pembinaan;
 2. Sekolah Menengah Rimba 1 & Sekolah Ugama di Jalan 2;
 3. Sekolah Menengah Rimba 2 di Simpang 39, Jalan Bukit Mahkota;
 4. Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Jalan 2;
 5. Sekolah Rendah dan Ugama Rimba di Jalan 82;
 6. Sekolah Rendah Ugama Rimba 2 di Jalan 3;
 7. Sekolah Rendah dan Ugama Rimba 3 di Jalan 99;
 8. Tapak Komersial (Rimba Point) di Jalan 2;
 9. Pejabat Pos di Jalan 2;
 10. Balai Bomba di Jalan 2;
 11. Taman Rekreasi di Jalan 2; dan
 12. Gerai di Jalan 2

-
- Sementara itu, merujuk kepada Pelan Induk kawasan Perumahan Negara Kg. Lugu, sejumlah tapak-tapak tanah telah diperuntukan untuk penyediaan kemudahan awam di lokasi berikut khususnya:
 1. Tapak Masjid di Jalan Lasuk;
 2. Tapak Sekolah Rendah dan Sekolah Ugama di Jalan Lasuk;
 3. Tapak Komersial di Jalan Lasuk;
 4. Tapak Pusat Kesihatan di Jalan Lasuk;
 5. Tapak Dewan Komuniti di Jalan Lasuk;
 6. Tapak Balai Bomba di Jalan Lugu;
 7. Tapak Balai Polis di Jalan Lugu;
 8. Tapak Taman Rekreasi di Simpang 8-3-12, Jalan Ambin;
 9. Tapak Pusat Kemasyarakatan di Simpang 8-3-12, Jalan Ambin; dan
 10. Tapak Gerai di Simpang 8-3-12, Jalan Ambin
 - Perancangan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan penyediaan kemudahan awam yang lengkap selaras keperluan yang seimbang di kawasan perumahan.
 - Perlu dijelaskan jua, perancangan-perancangan yang disebutkan tadi, InshaAllah dibuat secara berfasa-fasa selaras dengan perancangan dan peruntukan yang disediakan nanti.
 - Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja yang Kaola dapat sampaikan bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty tersebut. Sekian Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.